

MUIZZ dikunjungi
Pengarah CaRE, Prof
Dr Latiffah A Latif.

Jian Allah datang dalam pelbagai cara. Ada yang diuji dengan kemiskinan, kematian, kesakitan serta penyakit yang memerlukan seseorang itu tabah serta reda dengan apa yang dilalui mereka. Bagi yang dapat menghadapinya, hanya Allah mengetahui rahsia di sebalik setiap ujian ini.

Ketabahan Abdul Muizz Muhammad, 27, bekas pesakit kanser Non-Hodgkin Lymphoma yang juga sukarelawan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), Universiti Putra Malaysia seharusnya dipuji.

Ini kerana sepanjang tempoh menjalani rawatan kanser di Hospital Ampang, Muizz seorang pesakit yang tabah mematuhi semua arahan doktor sehingga dia bebas daripada kanser serta mampu memberi sumbangan sebagai sukarelawan terapi seni yang diadakan di CaRE.


Namun takdir Tuhan tiada siapa mampu menduga, selepas dua tahun menjalani semua rawatan yang disyorkan pakar perubatan, sekali lagi dia diuji apabila pada penghujung 2013 berlaku komplikasi pada jantung yang menyebabkan tiada denyutan semula jadi pada jantungnya. Keadaan ini memerlukan dia menjalani pembedahan memasang pacemaker dengan segera bagi membantu jantung berfungsi dengan baik.

Bagi meringankan beban Muizz, CaRE melaksanakan kutipan dana bagi membiayai kos pembelian pacemaker yang mencapai RM17,000.

Melalui usaha ini akhirnya selepas seminggu, CaRE berjaya mengumpulkan RM17,830 hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk badan korporat dan orang perseorangan sehingga dana ini berjaya membantu pihak hospital menyediakan alat pacemaker dan pembedahan memasukkan alat ini pula berjalan lancar.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dalam majlis penyerahan sumbangan kepada keluarga Muizz di UPM, baru-baru ini, dia sangat berterima kasih di atas usaha dilakukan CaRE kerana kerjasama antara pihak industri dan CaRE memberi peluang kepada mereka memberikan sumbangan berbentuk kewangan atau barang.

Kerjasama ini pasti da-



Muizz diuji lagi

Sukarelawan CaRE terpaksa gunakan pacemaker untuk bantu jantungnya berfungsi dengan baik

pat menzahirkan hasrat dan matlamat CaRE dalam mendidik dan menyebarkan maklumat mengenai kepentingan pencegahan penyakit kanser menerusi amalan gaya hidup sihat.


"Kelangsungan hidup pesakit kanser boleh ditingkatkan bukan saja menerusi rawatan konvensional, tetapi psikologi. Oleh itu, aura positif perlu diterapkan dalam diri pesakit bagi memberi keyakinan untuk melawan penyakit atau sekurang-kurangnya meningkatkan kualiti hidup mereka," katanya.

Pada masa sama, CaRE mengorak langkah meneroka pelbagai cabang teknologi khususnya kaedah saringan kanser menerusi aktiviti penyelidikan di dalam maupun luar negara.

nologi khususnya kaedah saringan kanser menerusi aktiviti penyelidikan di dalam maupun luar negara.

"Aura positif perlu diterapkan dalam diri pesakit bagi memberi keyakinan untuk melawan penyakit atau sekurang-kurangnya meningkatkan kualiti hidup mereka"

Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan



"Kami anggap Muizz tidak sakit dan sama seperti orang lain. Sebab itu jarang sekali kami bertanya mengenai kesihatannya kerana dia sendiri tidak suka ditanya mengenai penyakit yang dihidapinya ini."

"Kami sangat bersyukur selepas dua tahun semua rawatan menjadikan Muizz bebas kanser. Namun takdir Tuhan tiada siapa mampu menolaknya apabila pada Disember tahun lalu, jantungnya tidak berfungsi dengan sempurna dan dia memerlukan pacemaker bagi membolehkan masalah ini diatasi," katanya.

Sebagai ibu pula, siapa yang tidak sedih melihat anak kesayangan terba-

ring di hospital dan terpaksa melalui rawatan kemoterapi yang menyebabkan wajahnya gelap seperti kesan terbakar.

"Jika melihat keadaannya memang saya sangat sedih. Namun saya tidak boleh menunjukkan kesedihan itu di hadapannya kerana ia hanya akan memberikan tekanan. Saya hanya mampu berdoa agar penyakit yang dihadapi Muizz kembali pulih. Tiada apa yang mampu dilakukan selain berdoa dan memberikan semangat kepadanya setiap hari. Ini kerana sejak pembedahan jantung, keadaannya tidak bermaya. Jadi dengan adanya sukarelawan, Muizz dapat sama-sama berkongsi masalah, sekaligus meredakan tekanan yang ditanggung selama ini," kata Aishah.

berikan semangat kepada Muizz untuk menjalani semua rawatan termasuk kemoterapi dan pemindahan sel stem dewasa daripada abangnya.